

TERHAD



I-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA 2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

KERTAS 2

Ogos/Sept.

2024

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian, tulis jawapan yang baharu.*
5. **Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.**
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Ceraikan kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat bersama dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 38 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan fungsi Sub bidang perakaunan.

Sub bidang Perakaunan	Fungsi
X	Meliputi skop kerja merancang hal-hal percukaian dan menyediakan penyata cukai bagi pihak syarikat.
Y	Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan kepada pengguna dalaman dan pengguna luaran untuk membuat keputusan.

Apakah X dan Y?

[2 markah]

- (b) Tentukan kesan inventori akhir ke atas kos jualan dan untung kasar sekiranya inventori akhir adalah tinggi.

	Rendah	Tinggi
Kos Jualan		
Untung Kasar		

[1 markah]

[1 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada pengeluaran syampu rambut jenama Amira.

Kos Tetap	RM6 000
Harga jualan seunit	RM 11
Margin caruman seunit	RM 5

Hitung titik pulang modal (dalam unit).

[2 markah]

- (d) (i) Nyatakan dua sebab pembubaran perkongsian. [2 markah]

- (ii) Maklumat di bawah diperolehi daripada buku perakaunan perniagaan Perkongsian Ameen semasa pembubaran perkongsian pada 3 Jun 2024.

	RM
Jumlah aset	80 000
Jumlah liabiliti	35 000
Tunai diterima daripada jualan aset	95 800
Kos pembubaran	1 200

Berapakah untung atau rugi realisasi?

[2 markah]

2. Encik Ahmad pemilik Kedai Runcit AHMADI di Taman Tasik Puteri, Rawang tidak menyimpan rekod-rekod perniagaannya mengikut sistem catatan bergu. Maklumat berikut menunjukkan ringkasan penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan Kedai Runcit AHMADI bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

Buku Tunai					
2024	RM	2024	RM		
Jun 30	Jualan	7 200	Jun 30	Akaun Belum Bayar	4 300
	Akaun Belum Terima	20 500		Belian	1 890
	Komisen	2 800		Kadar bayaran	1 500
				Kenderaan	15 500
				Gaji	4 800
				Pinjaman	10 000
				Faedah atas pinjaman	2 250
				Insurans	500
				Sewa dibayar	600
				Ambilan	800

Maklumat tambahan :

- (i) Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Bangunan	50 000	50 000
Perabot	5 300	5 000
Inventori	7 600	8 300
Akaun Belum Terima	3 200	2 100
Akaun Belum Bayar	2 350	3 310
Pinjaman 6% setahun (matang pada 30 Jun 2024)	50 000	40 000
Insurans prabayar	430	620
Kadar bayaran belum bayar	790	420
Bank	30 100	?

- (ii) Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2024 . Kadar susut nilai adalah 10% setahun atas kos.
 (iii) Sebanyak RM270 barang rosak telah dipulangkan kepada pembekal.

Anda dikehendaki:**(a) menghitung:**

- (i) Jumlah jualan [3 markah]
- (ii) Jumlah belian [3 markah]

(b) menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal Awal [2 markah]
- (ii) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [10 markah]
- (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024. [7 markah]

3. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Asim pada 31 Disember 2023:

	RM
Mesin (kos)	140 000
Peralatan kilang (kos)	40 000
Susut nilai terkumpul:	
Mesin	40 800
Peralatan kilang	4 000
Angkutan masuk bahan langsung	3 600
Duti import bahan langsung	7 000
Sewa dan kadar bayaran	49 500
Angkutan keluar	5 600
Insurans	7 200
Belian:	
Alat-alat kecil	2 440
Bahan langsung	1 104 000
Belanja penyelenggaraan kilang	2 700
Upah buruh tak langsung	25 000
Upah buruh langsung	230 000
Gaji pengurus kilang	66 000
Belanja am	51 000
Royalti kilang	4 800
Jualan	2 500 500

Maklumat Tambahan:

(i) Inventori pada:

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Bahan langsung	28 400	19 360
Barang siap	17 388	19 320
Alat-alat kecil	1 120	3 000
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	11 340	9 300
Buruh Langsung	7 600	6 240
Overhed	1 560	2 400

(ii) Belum bayar:

Belanja penyelenggaraan	RM5 400
Upah buruh langsung	RM10 000

(iii) Prabayar:

Insurans	RM2 000
Sewa dan kadar bayaran	RM3 200

(iv) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Sewa dan kadar bayaran	80%	20%
Insurans	70%	30%
Belanja am	60%	40%

(v) Kadar susut nilai:

Mesin	20% setahun kaedah garis lurus
Peralatan kilang	10% setahun kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan :

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (bentuk penyata).

[21 markah]

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (bentuk T)

[4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4. (a) Syarikat Sports Express Sdn. Bhd ditubuhkan untuk membekalkan peralatan sukan. Pada 1 Julai 2023 syarikat telah bersetuju untuk menerbitkan 500 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer 650 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada 15 Julai, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 1 Disember 2023, syarikat telah bersetuju membuat terbitan syer kali kedua kerana memerlukan modal tambahan. Syarikat telah menerbitkan 350 000 unit syer biasa pada harga RM1.00. Pada tarikh tutup permohonan 15 Disember 2023, jumlah wang yang diterima berjumlah RM300 000. Wang kurangan langganan berjumlah RM50 000 ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 25 Disember 2023.

Pada 1 Januari 2024, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim:

- (i) 4% syer keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama
- (ii) Syer biasa pada kadar 3 sen sesyer

Pada tahun berakhir 30 Jun 2024, Lembaga pengarah telah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir bagi Syer keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 5%.

Anda dikehendaki:

- (i) Merekodkan terbitan syer ke dalam Jurnal Am (keterangan diabaikan) [6 markah]
- (ii) Menghitung dividen interim [2 markah]
- (iii) Menghitung dividen akhir [2 markah]

- (b) Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga Gempita Textile yang berlaku sepanjang bulan April 2024.

ASAL		INV1880	
INVOIS			
Gedung Kain Permata			
No. 40, Jalan Abdullah			
85000 Segamat, Johor			
Tarikh : 05 April 2024			
Kepada			
Gempita Textile			
20, Jalan Payamas			
84900 Tangkak, Johor			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
150 unit	Kain pasang sulam	80	12 000
100 unit	Kain pasang songket	40	4 000
100 unit	Kain pasang cotton	20	2 000
			18 000
Tolak : Diskaun niaga 5%			900
Jumlah			17 100
(Ringgit: Tujuh belas ribu ringgit sahaja)			
Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari			
Serahan : Angkutan dibayar			
K.& K.di K.			
<u>Ayu</u>		<u>Lisa</u>	
Penerima		Pengurus	

Dokumen 1

SALINAN		INV3015	
INVOIS Gempita Textile No.14, Jalan Pengkalan Indah 78000 Alor Gajah, Melaka			
Tarikh : 08 April 2024			
Kepada Sri Wangsam Enterprise No 12, Taman Nusa Bestari 79150 Johor			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
70 unit	Kain pasang sulam	100	7 000
40 unit	Kain pasang songket	80	3 200
25 unit	Kain pasang cotton	40	1 000
			11 200
Tolak : Diskaun niaga 10%			1 120
Jumlah			10 080
(Ringgit: Sepuluh ribu lapan puluh sahaja)			
Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K.& K.di K.			
<u>Siti</u>		<u>Ayu</u>	
Penerima		Pengurus	

Dokumen 2

MEMO Gempita Textile No.14, Jalan Pengkalan Indah 78000 Alor Gajah, Melaka	
Tarikh : 11 April 2024	
Peringatan : Pemilik mengambil 15 unit kain pasang sulam berjumlah RM1 200 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Tangkak.	
<u>Ayu</u> Pengurus	

Dokumen 3

SALINAN	NOTA KREDIT Gempita Textile No.14, Jalan Pengkalan Indah 78000 Alor Gajah, Melaka	NK2014	
		Tarikh : 15 April 2024	
Kepada Sri Wangsamam Enterprise No 12, Taman Nusa Bestari 79150 Johor			
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut :			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
3 unit	Kain pasang songket Tolak : Diskaun niaga 10% (Tersalah corak)	80	240 24
Jumlah			216
(Ringgit: Dua ratus enam belas ringgit sahaja)			
<u>Anggun</u> Penerima		<u>Ayu</u> Pengurus	

Dokumen 4

MEMO Gempita Textile No.14, Jalan Pengkalan Indah 78000 Alor Gajah, Melaka
Tarikh : 21 April 2024
Peringatan : Pemilik mengambil 3 unit kain pasang cotton dan sepasang kain pasang songket berjumlah RM100 untuk kegunaan sendiri.
<u>Ayu</u> Pengurus

Dokumen 5

Anda dikehendaki melengkapkan kad inventori di **Lampiran 1.**

[10 markah]

5. (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Butik Mas Idaman pada 31 Mei 2024.

	RM
Inventori 1 Jun 2023	10 000
Inventori 31 Mei 2024	10 400
Modal 1 Jun 2023	60 000
Jualan	75 000
Belanja Operasi	8 000
Akaun Belum Terima	2 000
Akaun Belum Bayar	4 000
Bank	6 000
Alatan Pejabat	20 000
Untung Kasar	20 400

Anda dikehendaki menghitung :

- | | |
|-----------------------------------|------------|
| (i) Untung Bersih | [2 markah] |
| (ii) Tokokan | [2 markah] |
| (iii) Pulangan Atas Modal | [2 markah] |
| (iv) Kadar Pusing Ganti Inventori | [2 markah] |
| (v) Nisbah Semasa | [2 markah] |

- (b) Pada 1 Januari 2021, Pemiagaan Tropika Buah telah membeli sebuah kenderaan RM55 000 untuk kegunaan pemiagaan. Kenderaan tersebut disusut nilai dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada penghujung tahun 2023, Pemiagaan Tropika Buah berhasrat untuk membeli sebuah kenderaan baharu yang berharga RM80 000 bagi menggantikan kenderaan lama ini. Kenderaan lama dijual dengan harga RM45 000 pada 31 Disember 2023. Cek telah diterima dan dibankkan. Tempoh kewangan pemiagaan berakhir 31 Januari 2023.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|------------|
| (i) Akaun Kenderaan pada tahun 2023 | [4 markah] |
| (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul bagi tahun 2023 | [3 markah] |
| (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan | [3 markah] |

6. Pada 1 Jun 2024, buku tunai (ruangan bank) Qaseh Enterprise menunjukkan baki debit bank sebanyak RM1 900.

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2024:

Tarikh	Urus niaga	No. Cek	RM
Jun 3	Belian	71301	950
5	Jualan tunai (dibankkan)		1 350
8	Menjelaskan invoice kepada Inn Trading	71302	2 309
10	Terima cek daripada Kedai Lina		3 610
15	Belian perabot	71303	2 700
18	Komisen		800
20	Kadar Bayaran	71304	760
28	Gaji	71305	1 600

- (a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (ruangan bank) untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan. [9 markah]

Penyata Bank yang diterima oleh Qaseh Enterprise 7 Julai 2024 adalah seperti berikut:

PENYATA BANK				
Bank Mawar				
No 98 Jalan Joned				
84000 Muar Johor				
Kepada: Qaseh Enterprise			Tarikh: 30 Jun 2024	
			No akaun: 159034250022	
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2024		RM	RM	RM
Jun 1	Baki b/b			2 590
8	Deposit		1 350	3 940
11	Cek no. 71302	2 309		1 631
12	Buku Cek	20		1 611
15	Cek no. 71301	950		661
18	Cek no. 71300	690		(29)
20	Dividen		1 900	1 871
25	Cek no. 71304	780		1 091
28	Caj bank	65		1 026

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 71304 tersalah catat.
- (ii) Cek yang diterima pada 10 Jun 2024 dipulangkan dengan tanda "Rujuk penyuruh bayar".

Anda dikehendaki menyediakan:

- (b) Buku Tunai (ruangan bank) dikemaskini. [6 markah]
- (c) Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2024. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Lampiran 1

Kad Inventori 1:

Tarikh 2024	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Harga/ Meter	Jumlah RM

Kad Inventori 2:

Tarikh 2024	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Harga/ Meter	Jumlah RM

Kad Inventori 3:

Tarikh 2024	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Harga/ Meter	Jumlah RM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NAMA	
KELAS	


i-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2024

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			

HALAMAN KOSONG


NAMA	
KELAS	


LEJAR



NAMA	
KELAS	


LEJAR






NAMA	
KELAS	


LEJAR





NAMA	
KELAS	


JURNAL




NAMA	
KELAS	

JURNAL


[Lihat halaman sebelah
SULIT






NAMA	
KELAS	

JURNAL





NAMA	
KELAS	

JURNAL

